

DATE: 17/6/2010

Sekatan haram Israel ke atas Gaza perlu dihapuskan

Oleh Jamhariah Jaafar
jamhariah@bharian.com.my

SELEPAS melihat dan mengalaminya sendiri keangkuhan rejim Yahudi, masyarakat antarabangsa semakin bertekad untuk membebaskan rakyat Palestin daripada cengkaman kuku besi Zionis.

Pelbagai cadangan dan rancangan susulan dilakukan untuk terus membantu, disalurkan menerusi Kedutaan Palestin di seluruh dunia termasuk Kuala Lumpur, dengan mesej jelas, iaitu dunia kini semakin berazam untuk membebaskan lebih enam juta rakyat Palestin yang masih terkepung di dalam negara sendiri.

Antara cadangan diterima ialah daripada Pesuruhjaya Hubungan Antarabangsa Fatah, Dr Nabeel Shaath, yang mengemukakan beberapa cadangan supaya kepublikan ke atas Semenanjung Gaza dihapuskan.

Cadangan yang turut mengambil kira usaha terdahulu, dibuat selepas tentera Yahudi melancarkan serangan kejam ke atas kapal bantuan, Freedom Flotilla, membunuh sembilan warga Turki, mencederakan 10 aktivis kemanusiaan lain, yang sanggup meredah samudera semata-mata untuk menghantar bekalan makanan, perubatan dan barangan keperluan rakyat Palestin yang terkepung.

Dalam Persidangan Baitulmaqdis pada 5 Jun lalu, Dr Shaath memberi tumpuan kepada usaha untuk membantu ekonomi rakyat Palestin, antara lain mencadangkan aktivis antarabangsa dengan restu Kerajaan Mesir - membuka laluan maritim

secara langsung dari Turki ke Pelabuhan Gaza.

"Ada pendapat mengatakan dengan terus melakukan kepublikan ke atas Gaza, ia akan melemahkan kumpulan Hamas dan akhirnya akan membawa kepada kejatuhannya. Tetapi ini tidak benar sama sekali. Kepung yang dilakukan hanya lebih melemahkan rakyat Palestin di Gaza dan ekonomi wilayah itu," katanya mengenai kekuatan puak Hamas di bumi Palestin.

Katanya, Hamas tidak akan tergugat kerana ia mempunyai sumber sendiri dan kerana itu, cara terbaik ialah setiap pihak mesti mendesak supaya kepublikan ke atas Gaza dibuka.

Sebenarnya kata pengikut Fatah ini, masyarakat dunia mesti menangani kebimbangan keselamatan yang dirasai Israel dan ketakutan itu boleh dihapuskan dengan membuka laluan maritim secara langsung dari Pelabuhan Izmir atau Antalya (Turki) ke Pelabuhan Gaza. Pelabuhan gantian seperti Limassol atau El Arish juga boleh memainkan peranan sama.

Dr Shaath berkata, walaupun wujud ketidaksefahaman antara Turki dan Israel membabit tindakan membunuh warganya di atas Flotilla, Turki adalah anggota NATO dan masih boleh berurusan dengan Israel sekiranya ia membabitkan bantuan kemanusiaan secara besar-besaran.

"Turki juga dipercayai Hamas dan rakyat Palestin. Ini akan membolehkan Turki bersama pemerhati antarabangsa untuk melaksanakan pemeriksaan rapi ke atas semua kargo sebelum ia dimuatkan ke dalam kapal dan belayar ke Pelabu-

han Gaza," katanya.

Pemeriksaan ini adalah penting bagi meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa semua muatan di atas kapal terabit tidak membawa sebarang senjata.

Pada masa sama Dr Shaath berkata, pemerhati Eropah juga bersedia untuk menggunakan Laluan Lintasan Rafah yang menghubungkan antara Gaza dan Mesir.

"Aktivis kemanusiaan Eropah bersedia untuk kembali sebagai pemerhati di Laluan Rafah ini. Bagaimanapun, ini memerlukan tekanan serius dari Amerika Syarikat ke atas pentadbiran Israel.

"Pada lawatan terakhir saya di Semenanjung Gaza, saya terdengar Ismael Haniyyeh dan beberapa pemimpin Hamas yang hadir di majlis makan tengah hari di rumah

“Ada pendapat mengatakan dengan terus melakukan kepublikan ke atas Gaza, ia akan melemahkan kumpulan Hamas dan akhirnya akan membawa kepada kejatuhannya. Tetapi ini tidak benar sama sekali. Kepung yang dilakukan hanya lebih melemahkan rakyat Palestin di Gaza dan ekonomi wilayah itu”

Haniyyeh mengalu-alukan kehadiran semula pegawai Pihak Berkuasa Palestin bersama pembantu keselamatan presiden di laluan itu untuk menjalankan kerja pemeriksaan dan pengesahan dokumen perjalanan pelawat.

"Haniyyeh sendiri memberitahu saya dengan jelas supaya memulangkan cap dan dokumen pekerja Pihak Berkuasa Palestin, bagi membolehkan mereka menjalankan tugas bersama pembantu keselamatan presiden," cerita Dr Shaath mengenai perbualannya dengan pemimpin veteran Hamas itu.

Pemerhati Kesatuan Eropah (EU) memang memantau Lintasan Rafah sebelum Hamas mengambil alih Semenanjung Gaza. Cadangan ini pernah dimasukkan dalam rangka perjanjian antarabangsa di bawah penjaagaan Amerika Syarikat pada 2005.

Cadangan ketiga Dr Shaath membabitkan usaha mewujudkan stesen (pusat pemeriksaan) Pihak Berkuasa Palestin di sebelah Mesir - sama seperti lintasan AS di Kanada dan Ireland, atau stesen Britain di Brussels.

"Kita melihat di lapangan terbang Kanada dan Ireland, penumpang memasuki stesen Amerika - di mana urusan pemeriksaan passport, mengecapnya bagi membolehkan pelawat memasuki Amerika Syarikat seolah-olah mereka berada dalam perjalanan domestik," kata Dr Shaath.

Bagaimanapun kata beliau, sekiranya ini dilaksanakan di sempadan Mesir ia mungkin mencipta satu lagi konflik di kalangan negara Arab. Justeru, jalan terbaik masih ke arah

mendesak Israel sebagai 'penjahat' membuka laluan ke Gaza di sempadannya - seperti pada 2000 - sebelum intifada Baitulmaqdis dilancarkan.

Dr Shaath turut mencadangkan supaya masyarakat antarabangsa mengkaji kemungkinan mencipta laluan selamat antara Tarqoyumia dan Erez atau Karni (sempadan Mesir ke Rafah), bagi mengekalkan laluan antara Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, seiring dengan perjanjian ditandatangani antara Israel dengan Pihak Berkuasa Palestin sebelum 2000.

Apa yang lebih penting sebenarnya ialah Israel patut menghapuskan sekatan dikenakan ke atas penduduk Gaza yang menetap di Tebing Barat dan tidak lagi menghantar mereka secara haram ke Gaza atau Jordan.

Sebarang urusan seumpamanya patut berjalan seiring dengan usaha pemulihan hubungan antara Hamas dan Pihak Berkuasa Palestin

"Kerana itu, kita lebih menumpu perhatian ke atas kekuatan Israel di kawasan perairan wilayah Gaza. Justeru, cadangan terbaik ialah memastikan Israel menggunakan kuasa terabit untuk memberi pelepasan kepada kargo yang membawa bantuan kemanusiaan.

"Selepas setiap pihak memberi kelulusan terhadap isi kandungan kargo dan memastikan ia tidak membawa sebarang senjata, pihak Israel mesti mematuhi undang-undang antarabangsa. Ia mesti menghormati kedaulatan perairan Gaza, sekali gus menghapuskan kepublikan secara haram yang dikenakan ke atas Semenanjung Gaza," tegas Dr Shaath.